

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 01/01/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 14
Tajuk : ANGKASA prihatin nasib anggota koperasi terjejas bencana banjir

Angkasa prihatin nasib anggota koperasi terjejas bencana banjir

REMBAU – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meneruskan misi Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR) dengan menghulurkan sumbangan kepada anggota yang terjejas akibat bencana banjir.

Presidennya, Datuk Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, bantuan itu sejajar dengan prinsip ketujuh koperasi iaitu mengambil berat terhadap masyarakat terutamanya anggota di bawah 10,400 koperasi yang mendaftar di seluruh negara.

Bagaimanapun, katanya, secara keseluruhan, Angkasa telah menyalurkan sumbangan bernilai lebih RM5 juta bukan hanya membantu anggota kope-

rasi yang terjejas banjir, bahkan barisan frontliners yang telah bertungkus lumus berkhidmat buat negara sejak tercetusnya pandemik Covid-19.

"Hampir 70,000 individu di seluruh negara telah dibantu melalui Angkasa dan kita akan membuat penambahbaikan lagi bagi memastikan tiada anggota yang tercicir menerima bantuan kita."

"Kita juga menyeru kepada anggota bagi membantu masyarakat terutamanya golongan B40 yang terkesan dalam apa juga musibah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena Program Penyerahan Sumbangan CSR COOPCARE ANGKASA prihatin

pasca banjir di Kampung Kundur Hulu, di sini semalam.

Turut hadir, Pengurus Perhubungan Angkasa Negeri Sembilan, Datuk Ibrahim Abdullah.

Pada program berkenaan, sebanyak 100 paket barang keperluan harian melalui Projek Barang Asas 100 (BA100) berjumlah RM5,000 diagihkan kepada penduduk setempat yang juga anggota Koperasi Kariah Masjid Kundur Hulu.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, mana-mana koperasi yang terjejas banjir boleh membuat penangguhan perlaksanaan mesyuarat agung pada tahun ini dan berhubung dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).



ABDUL FATTAH (tengah) menyampaikan sumbangan kepada anggota Koperasi Kariah Masjid Kundur Hulu yang terjejas banjir di Rembau semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA